



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

AL-QADAR, MALAM IMPIAN

Tarikh Dibaca :

19 RAMADAN 1440H/

24 MEI 2019M

Disediakan oleh :

**Cawangan Khutbah Dan Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**



AL-QADAR, MALAM IMPIAN
24 Mei 2019M/ 19 Ramadan 1440H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، مُحَمَّدُهُ وَنَسْتَعِينَهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

قَالَ تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ مُبَرَّكَةٍ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ ﴿٣﴾ فِيهَا يُفْرَقُ كُلُّ أَمْرٍ حَكِيمٍ ﴿٤﴾

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Masa berlalu begitu pantas. Rasanya baru sahaja kita bertarawih pada malam pertama Ramadan dan hari ini sudah 19 hari Ramadan berlalu. Ia juga bermakna bahawa Ramadan semakin hampir melabuhkan tirai meninggalkan kita. Oleh itu, marilah kita semua terus istiqamah meningkatkan iman dan ketaqwaan kita kepada Allah SWT. Marilah kita bersungguh-sungguh melakukan segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan kita beroleh rahmat dan kasih sayang Allah SWT khususnya dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

Bertepatan dengan itu, maka marilah bersama kita hayati khutbah bertajuk “Al-Qadar, Malam Impian” .



Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Ramadan kian menuju pengakhirannya yang pasti akan dirindui oleh orang-orang yang beriman. Bagi golongan yang lalai dan leka dengan permainan duniawi pula, mereka pasti tidak akan merasai apa-apa ketika Ramadan meninggalkan mereka. Malahan mereka bergembira kerana tidak perlu lagi untuk menahan lapar dan dahaga.

Kita seharusnya bersyukur dengan sebenar-benarnya kerana dikurniakan dengan bulan Ramadan yang hebat ini. Ramadan adalah bulan yang sangat istimewa berbanding bulan-bulan Islam lain kerana kelebihan dan keunikannya. Bulan ini adalah bulan yang penuh dengan keberkatan dan rahmat Allah SWT. Di dalamnya ada satu malam yang cukup istimewa dan sangat ditunggu-tunggu oleh orang yang beriman iaitu Lailatulqadar. Lailatulqadar atau malam Al-Qadr disebut sebagai satu malam yang cukup istimewa kerana ia dinamakan sendiri oleh Allah SWT di dalam al-Quran dengan menghususkan satu surah yang dinamakan surah Al-Qadr. Firman Allah SWT :

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿٢﴾ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾ نَزَّلَ الْمَلَكُوتُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِنْ كُلِّ أَمْرٍ ﴿٤﴾ سَلَامٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ ﴿٥﴾

Bermaksud: "Sesungguhnya kami telah menurunkannya di malam Al-Qadr. Apakah kamu tahu apa itu malam Al-Qadr? Malam Al-Qadr adalah lebih baik daripada seribu bulan. (Pada malam tersebut) para Malaikat dan Al-Ruh



(Malaikat Jibrail) turun padanya dengan izin Tuhan mereka untuk mengatur segala urusan. Sejahteralah malam tersebut sehingga terbit fajar.”

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Lailatulqadar bermaksud malam yang memiliki keagungan kerana al-Quran telah diturunkan pada malam berkenaan. Pada malam itu Allah SWT mencucuri pelbagai rahmat, keampunan dan keberkatan kepada orang yang beramal dengan khusyuk dan berdoa dengan penuh keikhlasan. Para Malaikat turut turun bersama-sama membawa berkat dan rahmat Allah SWT yang dikhaskan untuk malam ini. Selain itu, al-Qadr juga membawa maksud “penetapan”. Pada malam ini jugalah berlaku penetapan akan segala urusan hambaNya yang bakal berlaku pada tahun berikutnya. Ingatlah, sesungguhnya Allah SWT telah menjanjikan bahawa sesiapa yang beribadah bertepatan dengan malam qadar, maka akan diberi ganjaran pahala amalan mereka itu melebihi ibadah yang dilakukan selama 1,000 bulan. Begitulah sifat Allah SWT yang Maha Pengasih dan Maha Pemurah. Justeru Al-Qadr ini merupakan satu anugerah tidak ternilai yang dikurniakan Allah SWT kepada umat Nabi Muhammad SAW.

Hanya tinggal kurang seminggu kini untuk umat Islam mengejar gandaan pahala yang dijanjikan Allah kepada mereka yang benar-benar ikhlas beribadah sepanjang Ramadan tahun ini. Belum tentu kita akan menemui Ramadan yang seterusnya. Oleh itu, mimbar menyeru kepada semua, ayuhlah kita bersungguh-sungguh berusaha mengejar dan mendapatkan malam impian Al-Qadr ini. Jika dihitung, seribu bulan adalah bersamaan dengan 83 tahun 4 bulan. Ini bermakna satu malam ini sahaja adalah lebih baik daripada seluruh usia kehidupan kita.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,



Marilah kita bersama-sama berusaha merebut ganjaran yang telah disediakan oleh Allah SWT pada malam impian semua umat manusia. Meskipun terdapat banyak pandangan ulama dalam menentukan bilakah malam yang tepat berlakunya Al-Qadr seperti malam ke 27 dan malam ganjil pada 10 malam terakhir, namun janganlah kita terlalu berkira-kira dan hanya bersungguh-sungguh beribadah pada satu malam tertentu sahaja. Lihatlah bagaimana Rasulullah SAW sendiri beriltizam dan bersungguh-sungguh mengejar malam Al-Qadar sebagaimana Hadith daripada Saidatina Aisyah RA melalui riwayat Imam Al-Bukhari Rahimahullah :

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ الْعَشْرُ شَدَّ مِزْرَهُ وَأَحْيَا لَيْلَهُ وَأَيَّقَظَ أَهْلَهُ

Maksudnya: *“Nabi SAW apabila masuk 10 akhir bulan Ramadhan baginda mengikat kainnya. Menghidupkan malam dengan beribadah dan membangunkan keluarganya untuk sama-sama beribadah.”*

Kesungguhan baginda SAW digambarkan lagi dalam Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim RH juga daripada Aisyah RA :

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَجْتَهِدُ فِي الْعَشْرِ الْآخِرِ مَا لَا يَجْتَهِدُ فِي غَيْرِهِ

Maksudnya: *“Rasulullah SAW berusaha sedaya upaya pada malam sepuluh akhir Ramadhan melebihi usahanya daripada malam-malam yang lain”.*

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya kita amat bertuah dilahirkan sebagai umat Nabi Muhammad SAW kerana memperolehi peluang sebesar ini dalam kehidupan kita. Sedarlah bahawa peluang ini tidak diberikan oleh Allah SWT kepada umat-umat yang terdahulu. Rugi dan amat menyedihkan bagi mereka yang sedikit



pun tidak berusaha untuk memanfaatkan kesempatan yang diberikan oleh Allah SWT di dalam bulan Ramadan yang mulia ini.

Sewajarnya teladan yang ditunjukkan oleh junjungan kita Rasullullah SAW dan para sahabat Baginda dalam menghayati bulan Ramadan khususnya pada sepuluh malam terakhir Ramadan dijadikan pedoman kepada seluruh umat Islam pada hari ini. Sesungguhnya pedoman yang telah ditunjukkan oleh Baginda jelas memberi gambaran kepada kita bahawa betapa tinggi dan bernilainya detik-detik terakhir Ramadan. Mudah-mudahan masih belum terlambat untuk kita sama-sama terus beristiqamah dalam melaksanakan ibadah kita sehingga ke penghujung Ramadan bagi memperoleh lailatul qadar yang telah dijanjikan oleh Allah SWT kepada kita.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah bersama kita hayati pengajaran yang boleh kita jadikan renungan :

Pertama : Bulan Ramadan adalah satu bulan mulia yang amat istimewa, dikurniakan oleh Allah SWT kepada umat Muhammad SAW

Kedua : Lailatul qadar yang nilainya lebih baik daripada seribu bulan adalah bukti kasih sayang Allah SWT kepada hambanya

Ketiga : Tiada jalan mudah untuk mencapai sesuatu kejayaan khususnya mengejar malam impian Al-Qadr melainkan dengan beramal secara bersungguh-sungguh dan istiqamah.

Firman Allah SWT di dalam surah an-Nuur ayat 52 :



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَخْشَ اللَّهَ وَيَتَّقْهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٥٢﴾

Bermaksud : “Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya dan takut melanggar perintah Allah serta, menjaga dirinya jangan terdedah kepada azab Allah, maka merekalah orang-orang yang beroleh kemenangan.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَلِيِّ الصَّالِحِينَ وَنَاصِرِ الْمَظْلُومِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى النَّبِيِّ
الْأَمِينِ، صَفْوَةِ الْمُرْسَلِينَ وَإِمَامِ الْمُتَّقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ، وَعَلَى التَّابِعِينَ
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الصَّادِقُ الْوَعْدُ الْأَمِينُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْوَاهُ، وَحَافِظُوا عَلَى صَلَاةِ الْجَمَاعَةِ، وَكُونُوا إِخْوَانًا مُتَحَابِّينَ فِي اللَّهِ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُهُ بِأَمْرِ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ، وَثَبَّتَ بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي مُحْكَمِ تَنْزِيلِهِ:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ : أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ سَائِرِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَّا مُوْلِيَا سِرِي فَدُوْكَ بِكَيْنْدَا يَغْ دَفْرَتُوَانِ اَكُوْغْ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَّا مُوْلِيَا سِرِي فَدُوْكَ بِكَيْنْدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوْغْ، تُونْكَو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيْزَةُ أَمِيْنَةُ مِيْمُونَةُ إِسْكَندَرِيَّةُ بِنْتُ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.



اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَاءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ وَحِينٍ، وَاَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ
مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ .

اللَّهُمَّ أَلِفْ بَيْنَ قُلُوبِنَا، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِنَا، وَاهْدِنَا سُبُلَ السَّلَامِ، وَنَجِّنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ
إِلَى النُّورِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، وَبَارِكْ لَنَا فِي أَسْمَاعِنَا، وَأَبْصَارِنَا،
وَقُلُوبِنَا، وَأَزْوَاجِنَا، وَذُرِّيَّاتِنَا، وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ، وَاجْعَلْنَا شَاكِرِينَ
لِنِعْمِكَ، مُشْنِينَ بِهَا عَلَيْكَ، قَابِلِينَ لَهَا وَأَتَمِّهَا عَلَيْنَا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .